


**BAB KELIMA**

**PENUTUP**



## BAB V

### PENUTUP

## KESIMPULAN

Kalau dilihat dalam kontek negara Malaysia sekarang, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa epd yang diperbincangkan diatas iaitu cara untuk memecah dan menyelesaikan masalah kemiskinan semuanya telah wujud, tetapi hasilnya saja yang tidak selaras dengan kehendak Islam. Kita mempunyai pekerja yang sanggup berusaha siang dan malam tanpa mengira penat dan lelah, tetapi mengapa kemiskinan tetap membelenggu kehidupan mereka? Malaysia juga mempunyai ramai golongan yang kaya seperti hartawan, jutawan dengan panggilan yang bermacam-macam lagi, tetapi mengapa masih wujud lagi pengemis dan fakir miskin yang kadang-kadang terdiri daripada keluarga mereka sendiri.

Begitu juga di Malaysia telah ada bermacam-macam institusi kewangan yang pecorak Islam seperti Baitulmal, Majlis Agama Islam disetiap suah negeri, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) Bank Islam dan lain-lain lagi yang beroperasi telah sekelian lama dan

bermatlamat semata-mata untuk membantu masyarakat miskin.

Walabagaimana pun yang menghairankan kita masih ramai lagi masyarakat di Malaysia hidup didalam belenggu kemiskinan seolah-olah semua institusi itu tidak pernah wujud di Malaysia.

Dalam masalah ini siapakah yang harus dipersalahkan, adakah sistem Islam itu sendiri atau para perlaksananya?

Sesungguhnya negara Malaysia merupakan negara yang terkenal dengan hasil bumi yang kaya, tanah yan subur yang dapat menampung seluruh masyarakatnya. Apa yang menjadi masalah disini bagaimana sebuah negara yang kaya dengan hasil mahsul dan mengalami kadar pertumbuhan yang begitu pesat ( seperti yang diterangkan dalam bab I ) masih lagi dibelenggu oleh masalah kemiskinan yang serius yang mana sejak akhir-akhir mengikut laporan akhbar seramai 170,000 orang masih lagi berada dibawah paras kemiskinan.( lihat lampiran E ).

Daripada kenyataan ini timbul dalam diri kita kepada siapakah yang harus di letakkan kesalahan ini dan apakah sebab terjadinya keadaan ini serta kenapa para-para

selim ulama tidak dapat menyatakan masalah ini dan bermacam-macam pertanyaan lagi timbul dibenak fikiran kita.

Untuk memberi jawapan ini seharusnya kita kembali kepada pokok asalnya iaitu kembali memahami Al-Qurān secara menyeluruh dan meneiti apakah aspek-aspek yang menyebabkan timbulnya bermacam masalah dalam masyarakat kita hari ini. Kajau diteiti dan dihayati dengan mendalam dapatlah dibuat kesimpulan sesungguhnya Al-Quran bukanlah membahas sesuatu masalah dengan memandang kepada sesuatu aspek sahaja bahkan merangkumi semua aspek kehidupan. Misalnya dalam menyelesaikan masalah kemiskinan Islam bukanlah memandang penyelesaiannya melalui harta benda sahaja tetapi ia juga merangkumi aspek hidup yang lain seperti akhlak, kerohanian, ibadat dan lain-lain lagi. Ini kerana pemisahan satu aspek kehidupan daripada keseleuruhan masalah yang lain hanya akan memburukkan lagi keadaan.

Pengabungan semua masalah kehidupan yang dirancang oleh Islam sesuai dengan fitrah semula jadi manusia. Oleh itu dalam menyelesaikan masalah kemiskinan ataupun masalah-masalah ekonomi se lain dari itu yang timbul dalam sesuatu masyarakat tidak dapat kita meleti kembali kepada pekerja pokok yang asal yang menjadi teras kepada ekonomi

Islam itu sendiri dan juga menjadi pokok dalam Islam la itu Tauhid.

Nabi Muhammad s.a.w. sendiri telah memberi penekanan kepada aspek ini sebelum pergi kepada aspek-aspek lain yang tidak kurang pentingnya. Apabila pegangan dan keyakinan individu dan masyarakat itu mantap maka dalam bidang lain dengan sendirinya akan wujud tingkah laku masyarakat yang hidup berdasarkan batasan syarak dan menjauhi sebarang bentuk perkara yang menyalahi syariat Allah. Mereka juga merasa segala tingkah laku mereka sentiasa diawasi dan akan dipersoalkan dihari akhirat nanti.

Perlu ditegaskan disini, bahawa sesuatu masalah itu tidak dapat diselesaikan sekiranya sistem yang digunakan oleh negara itu bertentangan dengan sistem Islam. Di dalam sistem yang bukan mengamdi Islam keseluruhannya & sedangkan sistem hidup bukan sahaja menimbulkan masalah kemiskinan yang sangat diperinciangkan sekarang sahkan akan timbul berbagai-bagai masalah seperti masalah sosial, masalah aqidah, masalah politik hatta kepada masalah keluarga sendiri.

Islam adalah satu sistem komasyarakatan yang

lengkap, yang segi-seginya saling berjalinan antara satu sama lain. Sistem ini berdasarkan wataknya, yakninya tentang kehidupan dan cara-cara perlaksanaannya dari sistem-sistem berat dan juga sistem yang di pakai di Malaysia sekarang.

Islam mendidik manusia dengan suatu pendidikan tertentu dan memerintah manusia dengan suatu hukum yang tertentu, mengatur masalah atas dasar-dasar yang telah ditentukan serta mencipta unsur-unsur kemasyarakatan dan perekonomian yang tersendiri.

Oleh itu jalan yang paling baik untuk membasmi kemiskinan ialah dengan melaksanakan Islam sebagai suatu kesejuruhan dalam sistem hukum, pemerintahan, dalam dasar-dasar perundangan dan begitu juga dalam prinsip pendidikan. Setelah semuanya terlaksana barulah boleh dikemukakan adakah masalah-masalah yang timbul sekarang masih wujud atau sebaliknya dalam masyarakat.

Dari sekarang tugas masyarakat bukanlah hanya sekadar berusaha mencari jalan untuk penyelesaian kepada masalah yang sengaja ditimbulkan oleh sistem yang bertentangan dengan Islam bahkan berperan sebagai masyarakat yang berjuang untuk menegakkan Kamilah Al-Yah

dibumi ini. Ini sebagaimana janji Allah dalam Al-Quran:

## مَنْ يَفْعُلُ اللَّهُ يَنْصُرُكُمْ وَيُبْلِغُ أَفْدَامَكُمْ .

**Yang bermaksud:** Sesalpa yang menolong Allah, maka Allah akan menolongnya dan menetapkan kedudukannya.

Dari ayat ini dapat difahami sekiranya hambanya dapat menyempurnakan kewajipan dalam menegakkan negara Islam maka Allah akan menyempurnakan janjinya dengan memberi pertolongan dalam menyelesaikan masalah-masalah lain yang timbul dalam masyarakat.

Sedenarnya masalah kemiskinan yang ditimbulkan dan menjadi isu yang hangat yang diperbincangkan sekarang dan semenjak dahulu lagi merupakan suatu isu yang sengaja dibuat berlarutan semata-mata untuk menggagalkan kedudukan pemerintah serta dan juga sebagai musuh politik semata-mata.

Kalau dilihat dan diperhatikan sesungguhnya isu-isu kemiskinan di Malaysia seolah-olah suatu isu yang bermusuhan yang hanya akan timbul sekiranya apabila pemerintah sendiri yang perlu digunakan untuk keperluan-keperluan tertentu.

Oleh itu penulis menganggap bahawa semua permintaan pendapat yang diajukan kepada Islam mengenai sesuatu persoalan yang tidak dititahlikan oleh sistem Islam, yang ketika itu Islam diusir dari segala bidang kehidupan, semuanya itu hanya untuk mempermainkan dan memperoleh olokken Islam sahaja. Ia juga sebagai senjata untuk melekaikan umat Islam dengan berbagai-bagai masalah yang walaupun diberi penjelasan dan penyelesaian dengan formula-fomula secara Islam ia tidak akan diterima. Walaupun berbagai cadangan telah dikemukakan oleh cerdik pandai ekonomi Islam untuk menyelesaikan masalah kemiskinan, tetapi yangtinggal hanya kenangan begitu saja sak kata pepatah seperti mencurah air ke daun keladi.

Sejak akhir-akhir ini berbagai-bagi seminar serta forum telah diadakan untuk mencari penyelesaian dalam masalah kemiskinan namada ia di adakan secara resmi atau tak rasmi, serta berbagai pendapat dan kesimpulan telah dihasilkan tetapi ia hanya sangat semasa perbincangan sahaja. Persimpangan-perbincangan yang diadakan seolah-olah untuk memenuhi masa sahaja, tetapi segala idea-idea yang dikemukakan tidak diterima sebagai panduan untuk diperlakukan dalam sistem ekonomi negara ini.

Keaduan ini suramiah disebabkan masyarakat tidak

mahu menerima usaha-usaha keratik-pembentukan sistem ekonomi dan sistem pemerintahan berlandaskan Islam, tetapi masyarakat telah di kabur oleh sikap pemerintah yang meragukan keyakinan mereka terhadap kebolehan sistem tersebut. Sikap pemerintah yang hanya mengambil sebahagian sahaja aspek dari sistem Islam dan meninggalkan bahagian yang lain seolah-olah menganggap sistem Islam hanya sesuai dalam perkara-perkara tertentu sahaja.

Pegangan yang semasa inilah yang melahirkan sikap dan sangkaan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi dan politik tidak persangkut langsung bahkan terpisah dengan masalah agama. Mereka berpendapat bahawa ekonomi hanya menitikberatkan soal kebendaan dalam kehidupan, sedangkan agama menitikberatkan soal kerohanian. Ekonomi juga menurut pendapat mereka fana dan asyik kepada benda, sedangkan agama memandang harta bukanlah suatu yang besar dan untuk kesewahan dalam hidup. Tetapi harta sebagai jalan untuk kelebihan peribadi.

Oleh itu, jelaslah kepada kita bahawa kebiasaan masalah yang di timbulkan oleh sistem sejati diciptakan dalam akhir dapat diaksesikan negarai Islam tidak diambil sebagai suatu keperluan dalam hidup manusia. Segal-

## 5.2. SARANAN

Walaubagaimanapun dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan maka di sini penulis ingin memberi beberapa saranan yang dapat menolong mengurangkan kemiskinan dan seterusnya membasikannya. Diantara saranan yang perlu untuk mengurangkan kemiskinan adalah seperti berikut:

1. Pemerintah perlu mengadakan peluang pekerjaan kepada setiap warganegara yang mampu dengan kerja-kerja yang sesuai, atas dasar ianya hak dan tanggungjawab masing-masing. Memberi kesempatan untuk tiap tenaga kerja melatih diri dan berlatih untuk meningkatkan taraf profesionalnya. Dengan demikian seseorang itu dapat berdiri atas kaki sendiri. Segala sedekah dan bantuan sosial hendaklah dihalang sama sekali untuk diberikan kepada manusia yang buka mengangur sedangkan banyak kerja-kerja yang boleh dilakukan.
2. Memberikan gaji yang setimpal, adil dan mencukupi pada setiap pekerja dengan pertimbangan yang saksama. Ini perlu untuk menampung keperluan sara hidupnya serta melepaskan diri mereka dari belempu kemiskinan. Kerajaan juga perlu menubuhkan satu badan khugas untuk menjalankan berlaku penindasan sebagaimana yang

berlaku dalam sektor pekerja estet. Keadaan ini selalu diamalkan dalam ekonomi kapitalis yang menggunakan istilah buruh murah. Pembahagian gaji bukanlah hanya bergantung kepada kadar kerja sahaja tetapi mesti juga melihat kos sara hidup dan orang dibawah tanggungannya.

3. Undang-undang zakat perlu diperketatkan lagi supaya orang yang tidak mengeluarkan zakat dikenakan hukum yang setimpal sebagaimana yang berlaku dizaman Saidina Abu Bakar. Undang-undang yang ada sekarang tidak dapat menghalang orang yang tidak mengeluarkan zakat. Sebagaimana yang sisiarkan dalam Dewan Masyarakat terdapat beribu-ribu orang kaya tidak mengeluarkan zakat di Malaysia. Dengan mengeluarkan zakat dapat menghindar berlakunya penimbunan harta di tangan satu golongan saja, serta dapat menjauhi dari amalan riba.

4. Segala pungutan zakat hendaklah dibahagikan didalam daerah yang sama melalui imam-imam. Ini kerana imam lebih mengetahui sejauh mana keadaan orang miskin di daerahnya sendiri. Imam juga hendaklah dilantik dari mereka yang amanah untuk mempastikan segala sumber zakat dapat diagihkan dengan aksama.

5. Kerajaan juga perlu mengadakan badan khas untuk menyenapasti warganegara yang tidak mampu mendapat

sara hidup samada kerana sakit, cacat, atau ada dari segi fizikal atau mental, orang-orang tua dan sebagainya. Pemerintah juga perlu memberi sara hidup kepada orang yang mampu bekerja tetapi tidak beroleh pekerjaan, atau kerajaan gagal memberikan kerja yang sesuai kepada mereka.

6. Segala bentuk kegiatan ekonomi yang bertentangan dengan syarak seperti judi, loteri, penyejudupan, rasuah dan sebagainya hendaklah dibenteras dan dihapuskan sama sekali.

7. Para pegawai kerajaan khasnya yang berjawatan tinggi, harus mengishtiharkan haerta masing-masing. Ditentukan darimana sumber kekayaan yang diperolehi, sebagai langkah melindungi harta umum. Sekiranya didapati harta dan kekayaanya diperolehi daripada sumber yang tidak sah disisi Islam maka ia hendaklah di setimpal dengan perouatan mengikut Junas-junas Islam.

8. Kerajaan juga perlu meminda sistem pendidikan yang ada sekarang dengan mengadakan sistem yang berlandaskan sistem pendidikan Islam samada diperingkat rendah atau menengah sebagai ganti dengan sistem yang telah sedia ada. Ini perlu untuk memupuk kegedebaan Islam sejak dari awal lagi bagi persediaan untuk mengatasi masa had

kemiskinan daripada berterusan.

9. Pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam tugas membasmi kemiskinan dari semua peringkat hendaklah diberi asuhan agama.
10. Segala bentuk pemborosan dan bermewah-mewahan hendaklah dibenteraskan sama sekali. Selagi masih ada golongan miskin dalam sebuah negara maka janjawan untuk sesuatu projek yang besar hendaklah diketepikan dahulu.
11. Ketua negara juga mestilah cuba menyelami sendiri perasaan rakyatnya yang miskin dengan mendampingi sendiri golongan tersebut. Ini boleh diambil contoh sebagaimana Saidina Umar pernah tidak makan minyak sapi memandangkan rakyatnya sendiri tidak memukannya kerana kekurangan bekalan makanan tersebut.
12. Membersihkan segala institusi ekonomi dalam negara dari, amalan riba, dengan mendirikan Bank Islam serta membenteraskan segala bentuk bank yang tidak funduk dengan ajaran Islam. Dengan ini masyarakat dapat menikmati sistem pengagihan yang sama-sama khususnya dalam sistem pinjaman tanpa bunga.
13. Memberi peluang kepada sebilangan ahli-ahli ekonomi

Islam melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan ekonomi Islam. Ini perlu untuk mewujudkan golongan cerdik pandai yang dapat memikirkan jalan-jalan untuk meambahkan pendapatan negara.

14. Akhir sekali masyarakat mestilah berusaha untuk mewujudkan sistem pemerintahan Islam di negara ini. Kewujudan sistem pemerintahan secara keseluruhannya yang merangkumi semua bidang amat perlu untuk mengatasi masalah kemiskinan serta masalah-masalah lain amnya. Oleh itu menjadi tanggungjawab umat Islam berusaha sedaya upaya serta mencari jalan agar teregaknya kalimah Aliah dibumi ini. Walaupun berbagai usaha telah dibuat untuk mengatasi kemiskinan ianya tidak akan berjaya lagi tidak tertegaknya sebuah negara Islam. Walaupun setengah pendapat mengatakan tanpa wujudnya negara Islam kejayaan tetap dapat dicapai, tetapi perlu diingatkan adakah kejayaan tersebut merupakan kejayaan sebenarnya di dunia Islam ataupun tidak.